

[HEBAHAN]

**SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA (HASN) PERINGKAT NEGERI MELAKA BAGI TAHUN 2023  
ANJURAN JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI MELAKA DENGAN KERJASAMA AGENSI KERAJAAN  
NEGERI MELAKA**

24 Oktober 2023, MELAKA – Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) peringkat negeri Melaka bagi tahun 2023 anjuran Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka dengan kerjasama Perbadanan Teknologi Hijau (PTHM) dan Politeknik Merlimau Melaka akan diadakan pada ketetapan berikut :-

Tarikh : 28 Oktober 2023 (Sabtu)

Masa : 8.00 pagi - 2.00 petang

Tempat : Politeknik Merlimau Melaka

Antara program yang akan diadakan adalah program 'Singgit Seposen' iaitu penghantaran dan pembelian sisa kitar semula :

- i. Sisa 3R
- ii. Sisa elektrik & elektronik
- iii. Sisa minyak masak
- iv. Sisa fabrik

yang berkonsepkan pandu lalu. Selain itu, taklimat dan pameran kesedaran alam sekitar juga akan disampaikan kepada peserta program dan pengunjung.

Orang awam dan komuniti di sekitar daerah adalah diseru untuk hadir beramai-ramai memeriahkan program berkenaan.

Jom sama-sama kita lestarikan alam sekitar!

[#KementerianSumberAsliAlamSekitarDanPerubahanIklim](#)

[#JabatanAlamSekitar](#)

[#jasnegerimelaka](#)

[#AlamSekitarTanggungjawabBersama](#)